

# Terjemah isu dalam puisi

**KUALA LUMPUR 7 Feb.** - Keindahan gaya bahasa yang tinggi, bersifat serius dan berfokus antara kriteria utama ditekankan juri bagi kategori puisi dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) pada 27 Februari ini.

Seorang juri kategori puisi, Dr. Shamsudin Othman berkata, keindahan sesebuah puisi terletak pada kekuatan pemikiran pengkaryanya menerusi kaedah penyampaian isu yang diterjemahkan dalam sesebuah puisi.

“Bagi memenuhi kriteria puisi terbaik adalah dengan mengambil kira aspek gaya bahasa yang tinggi selain mahu melihat hasil karya dapat menyumbangkan kepada isu negara, dibawa secara serius dan berfokus serta sumbangannya kepada dunia ketamadunan bangsa dan negara.

“Mengambil contoh hasil karya puisi yang dihasilkan peserta sebelum ini dengan menyetengahkan isu peperangan, kemiskinan dan sebagainya menjadi daya penarik dalam sesebuah puisi, namun perlu diterjemah menggunakan gaya bahasa yang tinggi,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

**Hadiah Sastera**  
KUMPULAN UTUSAN

HSKU yang merupakan sa-yembara sastera di Malaysia dan dianjurkan oleh Kumpulan Utusan akan diadakan di Panggung Anniversari, Taman Tasik Perdana di sini.

Shamsudin yang juga Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi-

tau, cabaran barisan panel hakim dalam menentukan keutuhan sesebuah puisi dilihat bersandarkan kepada kaedah memanipulasikan bahasa kepada halus pemikiran.

“Kita tidak meletakkan sebarang tema dalam pertandingan ini dan peserta bebas untuk mengambil apa-apa isu yang dirasakan sesuai.

“Konsep keterbukaan ini juga secara tidak langsung membuka peluang kepada pengkaryanya untuk menterjemahkan daya fikir dan isu semasa menerusi déklamasi puisi,” ujarnya.



**SHAMSUDIN  
OTHMAN**